

CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2023

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan
1	Pengadu memohon agar MBS boleh bertambah baik kualiti tag lesen anjing. Di mana tag yang disediakan semakin nipis, mudah dirosakkan apatah lagi berbahaya sehingga boleh mencederakan tangan, berbeza dengan tag yang saya dapat pada tahun 2021.	04-01-2023	Untuk makluman puan, patil anjing untuk tahun 2021 adalah lebih nipis daripada tahun 2023 dan pentadbiran majlis juga telah menukar ketebalan untuk patil anjing bagi tahun 2023. Sehubungan dengan itu juga, Pentadbiran Majlis mengambil maklum cadangan pihak puan berkaitan design untuk patil anjing pada masa akan datang. Sekian terima kasih.	26-01-2023	Unit Letak Kereta/Dewan
2	Levelling tarmac along Jalan Mutiara just complete by the appointed contractor may cause road users speed especially during pick hours. Need Speed hump at both direction to make road users slow down their vehicle and makes other road users from nearest factory safe when entering or leaving factory.	06-01-2023	HASIL DARIPADA SIASATAN ADUAN MENDAPATI PIHAK MBS TIDAK MEMBINA BONGGOL JALAN DI KAWASAN INDUSTRI KERANA TERDAPAT KILANG-KILANG YANG MENGELOARKAN PRODUK-PRODUK YANG SENSITIF. WALAUBAGAIMANAPUN, SEKIRANYA PEMOHON MASIH BERMINAT UNTUK MELANJUTKAN PERMOHONANINI, MAKA PERMOHONAN BARU MESTI MELALUI PERSATUAN DAN DISOKONG OLEH SEMUA PENGILANG YANG TERLIBAT.	06-03-2023	Unit Jalan & Saliran
3	Saya mohon jasa baik pihak majlis agar dapat memilih persatuan peniaga wanita yang menganjur bazar pada tahun lepas 2022 di dataran senawang 1 ,semoga persatuan peniaga wanita ini terpilih untuk tahun 2023 untuk menjadi penganjur 2023 kerana saya sebagai peniaga sangat berpuas hati dengan pengurusan persatuan tersebut ,mereka sangat bertolak ansur ,bertoleransi dengan para peniaga dan mereka sangat sangat baik hati dan bagus . Harap dapat kerjasama dari pihak tuan/puan atas cadangan saya ini terima kasih .	11-01-2023	Majlis mengucapkan terima kasih diatas cadangan yang diutarakan. Penganjuran Bazar Ramadhan tahun 2023 akan dipaparkan diaktauer Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan dan Laman Sesawang Majlis Bandaraya Seremban setelah mendapat kelulusan dalam mesyuarat. (Jika ada sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi pihak Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutuan, MBS di Talian (06-7654278) dan (06 7654318) Sekian terima kasih.	17-01-2023	Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutuan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan
4	saya dengan rendah diri ingin mencadangkan untuk pihak Tuan/Puan memberi peluang kepada PERSATUAN PENIAGA WANITA BERGERAK untuk menjadi pengajur bazar di dataran senawang 1 sama seperti tahun lepas kerana saya sebagai peniaga dibawah pengajuran tersebut amatlah berpuas hati dengan pihak mereka kerana mereka memberi kerjasama yang baik, bertolak ansur sesama peniaga dan mudah bekerjasama. Semoga rezeki memihak kepada persatuan tersebut. Jika perkara ini terjadi saya sangat pasti peniaga di bawah pengajuran ini pasti gembira kerana pihak Tuan/Puan membuka peluang untuk peniaga berada di bawah pengajuran yg bagus. Harap pihak Tuan/Puan mempertimbangkan cadangan saya ini. Terima kasih	13-01-2023	<p>Majlis mengucapkan terima kasih diatas cadangan yang diutarakan.</p> <p>Penganjuran Bazar Ramadhan tahun 2023 akan dipaparkan diakunter Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran dan Laman Sesawang Majlis Bandaraya Seremban setelah mendapat kelulusan dalam mesyuarat. (Jika ada sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi pihak Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutaran, MBS di Talian (06-7654278) dan (06 7654318)</p> <p>Sekian terima kasih.</p>	17-01-2023	Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutaran
5	Setiap hari bekerja terutamanya sekitar 8.00 -8.30 pagi , banyak yang dari arah Mesa Mall akan membuat uturn untuk ke fakulti perubatan USIM. Sedangkan kereta belakang laju turun bukit. Beberapa kali hampir terjadi kemalangan kerana ingin mengelak kereta yang tiba2 berhenti di lorong kanan untuk untuk uturn ke fakulti perubatan.	01-02-2023	Kerja pemberian telah siap dilaksanakan pada 03.04.23	07-06-2023	Unit Projek Dan Lalulintas
6	permohonan lampu jalan kerana kawasan rumah pengadu gelap dan rumah pengadu kawasan hujung	10-02-2023	Hasil siasatan pada 15.02.2023 mendapati tiang tersebut adalah Tiang TNB. Terdapat juga lampu jalan yang telah dipasang secara selang-seli	07-06-2023	Jabatan Kejuruteraan
7	<ul style="list-style-type: none"> - keadaan jalan dan tambahan pula pokok besar menyukarkan pandangan simpang masuk jalan 13, bandar tasik senangin - permohonan lampu jalan depan rumah 146, jalan bandar tasik senangin 13/3, bandar tasik senangin 	14-02-2023	Hasil siasatan mendapati kawasan tersebut masih dibawah tanggungan pemaju. Surat pemakluman kepada AKURJAYA SDN BHD telah dikeluarkan pada 17.2.2023	24-03-2023	Jabatan Kejuruteraan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan
8	MOHON PERLEBARAN JALAN SEBELUM SIMPANG MASUK PERSIARAN BUNGA TANJUNG 1, KAWASAN PERINDUSTRIAN SENAWANG BAGI MENGELAKKAN KESESAKAN DAN MELANCARKAN KENDERAAN MASUK KE JALAN TERSEBUT	06-03-2023	Kerja-kerja penyelenggaraan telah selesai dilaksanakan pada tarikh 29.3.2023	30-03-2023	Unit Jalan & Saliran
9	Tuan /puan / encik/ cik, Saya beralamat no15173, jalan cempaka 21, desa cempaka 2, ingin mohon jasa baik pihak mbs, landskap untuk gantikan pokok yang telah ditebang di tepi rumah saya. Ini menyebabkan rumah tidak terlindung dari dahang matahari. Lebih 10 tahun lepas, dua pokok di persimpangan jalan telah di tebang kerana menghalang kenderaan berat masuk jalan tersebut (hadapan rumah 15174 dan 15173). Tidak pasti siapa yang tebang pokok2 tersebut kerana, saya tidak ada di Nilai ketika itu. Jika pihak mbs boleh bantu dengan satu pokok bucidia, saya akan usahakan sendiri penanaman pokok tersebut.	14-03-2023	Merujuk kepada aduan MBSEREMBAN.024500, pengadu sendiri meminta pokok ditebang dan tindakan telah diambil. Kami tidak akan menanam pokok untuk menggantikan pokok yang telah ditebang bagi mengelakkan aduan untuk menebang pula pokok terbabit di masa akan datang. Harap maklum.	14-04-2023	Jabatan Taman & Landskap
10	Selekoh tajam Jalan Leftenen Adnan/Jalan Tam Yeong walaupun double line pengguna masih keras kepala belok kanan hala ke Persatuan Hai Nan. Amat bahayakan pengguna disebabkan curam turun bukit dari IPK NS. Kemalangan sering berlaku.	24-03-2023	Untuk makluman, jalan tersebut dibenarkan untuk belok ke kanan. Jalur Rentas Kuning (Yellow Transverse Bars) diletakkan di kedua-dua belah jalan agar pemandu mengurangkan kelajuan.	12-04-2023	Unit Projek Dan Lalulintas
11	Di hadapan guardhouse Taman kami (Adira Ara Sendayan 5), ada bulatan dimana ada semak rumput dan anak2 pokok yang tidak dijaga (lihat gambar yang disertakan ini). Kami cadangkan tempat ini ditukarkan kepada tempat letak kereta pelawat, jadi senang bila Grabfood ke atau mana2 pelawat yang datang, tidak menyebabkan kesesakan laluan, dan juga dengan ini masalah rumput dan pohon yang tidak dijaga akan selesai.	05-04-2023	Terima Kasih diatas cadangan. Namun begitu, tiada keperluan untuk penambahan tempat letak kereta buat masa ini kerana laluan antara jalan utama ke 'guard house' panjang dan ada ruang untuk kenderaan menunggu untuk daftar masuk	31-05-2023	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan
12	Saya sebagai pengguna jalan raya ingin mencadangkan kepada pbt untuk memasang bonggol di jalan hadapan petronas simpang batang benar.. Kerana jalan pintas itu boleh menyebabkan kemalangan. Apabila lampu isyarat merah. Kenderaan yang datang dari pajam akan berhenti untuk bagi laluan kenderaan yang datang dari kg kuala pajam.. Tetapi ade segelintir kenderaan yang laju dari arah pajam akan terus ke laluan pintas depan Petronas tanpa melalui lampu isyarat.. Dan akan masuk ke laluan utama semula di hadapan selepas lampu isyarat dan mengasak kenderaan di jalan utama itu.. Saya harap ade pegawai yg akan teliti di kawasan itu untuk kepastian.. Sekian terima kasih	12-04-2023	Hasil siasatan pegawai mendapati aduan tersebut adalah merupakan terletak di bawah pengawasan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 19.04.2023 untuk tindakan selanjutnya.	02-05-2023	Unit Jalan & Saliran
13	SILA RUJUK PENYATAAN INI SEBAGAI CADANGAN DIMANA , BANDAR SRI SENDAYAN BERKEMBANG DAN POPULASI MENINGKAT SETIAP TAHUN. DALAM JANGKA MASA PANJANG, PADA PENDAPAT SAYA, SATU PASAR BESAR BASAH HARUS DIWUJUDKAN DI BANDAR SRI SENDAYAN SUPAYA IA MEMUDAHKAN DAN TIDAK PERLU KE PASAR BESAR SEREMBAN UNTUK MEMBELI BARANGAN BASAH. PASAR BESAR TESERSEBUT DAPAT MEMBANTU POPULASI YANG AKAN DATANG KHUSUSNYA BANDAR SRI SENDAYAN YANG BERKEMBANG DARI SEGI SAIZ PENDUDUK. SEKIAN	10-05-2023	Terima Kasih untuk cadangan ini, Pihak Majlis akan meneliti dan mengkaji kesesuaian dan kerperluan terlebih dahulu. Terima kasih sekali lagi.	17-05-2023	Unit Jalan & Saliran
14	UNTUK MAKLUMAN MBS, PENDUDUK TEMPATAN MENCADANGKAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN ATAU PUN TRANSVERSE BAR DI JALAN PERINDUSTRIAN MANTIN 2 DAPAT DIJALANKAN KERANA PENGGUNA JALAN RAYA TERUTAMANYA PEMANDU LORI DAN PENUNGGANG MOTOSIKAL YANG MEMANDU DENGAN LAJU DAN BAHAJA DI TEMPAT TERSEBUT. SEKIAN TERIMA KASIH	22-05-2023	Hasil siasatan mendapati panjang jalan ini hanya lebih kurang 130 meter sahaja dan merupakan jalan atau akses ke 2 lot kilang dengan 1 persimpangan (No.26 & 27). Tiada keperluan. Selesai	29-05-2023	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan
15	minta pihak berwajid open bayaran melalui sistem ewallet , bagi memudahkan bayaran dibuat secara ansuran # nak submit aduan pun mcm² nak kn isi.	26-05-2023	<p>Terima kasih diatas perhatian tuan.</p> <p>Untuk makluman tuan, MBS telahpun menyediakan bayaran melalui TNG ewallet, yang boleh dicapai melalui http://click.mbs.gov.my. Di link ini, tuan boleh membuat bayaran secara dalam talian samada menggunakan FPX atau kad kredit atau ewallet. Jenis - jenis ewallet yang diterima ialah TnGo, Boost, Shoppee Pay dan juga Maybank QR Pay.</p> <p>Tuan juga boleh buat bayaran secara ansuran, dengan memasukkan jumlah amaun yang tuan hendak bayar.</p>	01-06-2023	Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

CADANGAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2023

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
30	Cadangan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar menyediakan lampu isyarat dan tiang lampu. Bukan itu sahaja, cadangan lain juga supaya menjadikan jalan tersebut sebagai jalan sehala. Hal ini kerana, terdapat banyak kes kemalangan yang berlaku di persimpangan Mesa Mall Nilai tersebut.	12-06-2023	Pemasangan lampu isyarat di persimpangan Persiaran Ilmu dan Jalan NSV 1 telah disyaratkan di dalam syarat pembangunan Mesamall.	15-06-2023	Unit Projek Dan Lalulintas
31	Permohonan kepada phak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membuat pemasangan tiang lampu jalan di hadapan kawasan perumahan, kerana keadaan sangat bahaya apabila malam. Hal ini kerana, terdapat khinzir di kawasan hutan berdekatan. Memandangkan ini adalah perumahan kawasan pelajar Universiti Sains Islam(USIM) mereka kelihatan berjalan untuk ke kedai berdekatan, tetapi lampu jalan yang jauh menyebabkan keadaan gelap.	17-08-2023	Permohonan pemasangan tiang lampu telah dihantar kepada TNB melalui surat bertarikh 15.09.2023	15-09-2023	Jabatan Kejuruteraan
32	Cadangan pemasangan lampu isyarat di persimpangan besar kawasan perkilangan (lengkok emas) kerana dikawasan ini terdapat pekerja kilang warga asing, dan ianya sangat membahayakan keselamatan penunggung motor dan kenderaan yang lalu di kawasan ini.	17-08-2023	Hasil siasatan pegawai mendapati aduan tersebut adalah merupakan terletak di bawah pengawasan JKR Elektrik. Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 06.09.2023 untuk tindakan selanjutnya.	12-09-2023	Jabatan Kejuruteraan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
33	Permohonan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) pertimbangkan untuk tutup semua simpang di jalan utama supaya tiada kenderaan keluar dan masuk di simpang utama kerana terdapat segelintir pengguna jalan raya tidak mematuhi papan tanda di larang membuat pusingan <i>U-turn</i> dan mengakibatkan kemalangan. Sekiranya cadangan ini diterima, maka pengguna jalan raya akan menggunakan ' <i>roundabout</i> ' yang telah di sediakan dan ianya akan memudahkan lagi kelancaran jalan serta mengelakkan berlakunya kemalangan. Sekian terima kasih	06-06-2023	Adalah dimaklumkan bahawa cadangan penutupan setiap laluan di bahagian median (tengah jalan) di Persiaran Nusari 1 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas, Pengangkutan Awam Dan Infrastruktur Bil 3/2022 yang telah diadakan pada 23 Jun 2022 yang lalu. Namun begitu cadangan ini tidak dipersetujui oleh sebahagian penduduk. Oleh yang demikian pihak Majlis telah menambahbaik garisan jalan, penambahan papan tanda, blinkers dan juga pemasangan papan tanda ' <i>no uturn</i> '	13-06-2023	Unit Jalan & Saliran
34	Cadangan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membuat setengah jam parking. Hal ini kerana, penggunaan kupon di Nilai dan Seremban tidak boleh digunakan semua tempat tersebut. Dengan itu, ianya tidak berlaku saman kepada orang awam.	07-06-2023	Terima kasih atas aduan yang diberikan. Untuk makluman pihak tuan, Pentadbiran Majlis telah mengambil maklum berhubung cadangan dan pendapat yang pihak tuan kemukakan. Walau bagaimanapun, untuk makluman pihak tuan, Pentadbiran Majlis telah melantik 2 syarikat untuk menguruskan tempat letak kereta di kawasan Seremban dan juga Nilai. Bagi tujuan penyeragaman pembayaran tempat letak kereta, pihak tuan boleh menggunakan aplikasi 'Jom Parking' ataupun Flexi Parking. Selain itu, penggunaan kupon gores kawasan Seremban dan kupon gores kawasan Nilai masih boleh digunakan tetapi terhad. Sekian untuk makluman pihak tuan, terima kasih.	13-06-2023	Unit Letak Kereta/Dewan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
35	Permohonan untuk membuat bonggol jalan di alamat Jalan 3B Taman Tuanku Jaafar, 71450, Seremban, Negeri Sembilan. Hal ini adalah disebabkan oleh jalan di depan rumah saya ini tiada langsung bumper jalan dan selekoh. Dengan itu, ianya menyebabkan begitu banyak kenderaan seperti kereta atau motor yang memandu dengan laju dan juga menyebabkan banyak berlakunya kemalangan. Saya mengharap sangat pihak tuan dapat membuat bumper jalan ini.	07-06-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN</p> <p>CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. • Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. • Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	19-01-2024	Unit Jalan & Saliran
36	Cadangan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar mewujudkan persimpangan masuk. Hal ini kerana, lebih kurang 30 min dibazirkan hanya kerana tiada simpang masuk untuk jarak persimpangan 'U-turn' yang hanya 1 km pada waktu puncak iaitu di Simpang masuk ke Taman Jaya 1/ Garden Hills dari Batang Benar ke Mantin tidak disediakan, maka terpaksa ambil U-turn 1km di hadapan. Pada waktu pagi dan petang semasa waktu puncak, pertambahan jumlah kereta yang terlalu banyak dan tambahan masa yang dibazirkan gara-gara pusingan U-turn sekitar 1km di hadapan. Diharap agar simpang masuk disediakan secepat mungkin. Terima kasih.	15-06-2023	Hasil siasatan pegawai mendapati aduan tersebut adalah merupakan terletak di bawah pengawasan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 22.06.2023 untuk tindakan selanjutnya	04-07-2023	Unit Projek Dan Lalulintas

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
37	Cadangan bagi menaiktaraf jalan raya utama dari dua lorong kepada empat lorong. Berpandukan kepada kepadatan kenderaan yang semakin bertambah serta kepadatan penduduk di Tiara Sendayan. Ianya bermula dari persimpangan di simpang tiga Kilang Ajinomoto, Gadong Jaya ke Tiara Sendayan. Diharap agar pihak kerajaan negeri dapat memberi perhatian yang serius kerana kawasan ini berpotensi dalam segala hal.	19-06-2023	Hasil siasatan pegawai mendapati aduan tersebut adalah merupakan terletak di bawah pengawasan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 13.07.2023 untuk tindakan selanjutnya.	17-07-2023	Unit Jalan & Saliran
38	Cadangan kepada pihak penguatkuasa Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk datang melawat pengawal pos di taman perumahan Taman Murni untuk memberi kompaun kepada persatuan penduduk atas pengawal pos yang beroperasi tanpa permit dan lesen yang sah pada tarikhnya.	27-06-2023	Seperti di lampiran. Surat peringatan kepada persatuan http://mbseremban.spab.gov.my/eApps/web/upload/nsempilan_mbseremban/imgs/ckeditor/PERSATUAN PENDUDUK TAMAN MURNI_AINSDALE.pdf	05-07-2023	Jabatan Perancangan Pembangunan
39	Mencadangkan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membuat petak parking OKU di sekitar Pekan Nilai kerana saya adalah seorang OKU dan di kawasan tersebut tidak disediakan petak OKU. Terdapat petak OKU Berhampiran Bustop di Sekolah Menengah Nilai sahaja. Memohon pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) menerima cadangan saya untuk menyediakan petak OKU di kawasan yang dicadangkan atau dimana - mana tempat yang sesuai.	04-07-2023	Petak parking OKU telah siap dilaksanakan pada 25.08.2023	28-08-2023	Unit Projek Dan Lalulintas
40	Memohon bantuan dari pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membuat satu pembinaan mini padang bola di taman permainan.	04-07-2023	Untuk makluman, buat masa ini Majlis Bandaraya Seremban tiada peruntukan bagi cadangan pembinaan padang bola mini di kawasan yang tersebut.	06-07-2023	Jabatan Taman & Lanskap

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
41	Memohon agar pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) membuka semula kolam renang awam ini untuk memberi laluan kepada program MSSNS yang akan berlangsung pada bulan Julai ini.	05-07-2023	<p>Dimaklumkan bahawa, pihak Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban akan menutup Kolam Renang Awam, Paroi dan Pusat Akuatik, Paroi bagi tempoh 2 bulan iaitu mulai dari tarikh 03 Julai 2023 sehingga 03 September 2023.</p> <p>Penutupan kemudahan kolam renang ini selama 2 bulan adalah bagi memberi laluan kepada kerja-kerja baikpulih kerosakan kolam renang tersebut yang tidak boleh ditangguhkan lagi. Tarikh pembukaan semula kolam renang tersebut akan dimaklumkan SEGERA sebaik sahaja kerja-kerja baikpulih selesai dan kolam renang tersebut selamat untuk digunakan.</p> <p>Majlis Bandaraya Seremban memohon maaf diatas kesulitan yang berlaku namun tindakan ini perlu kerana ianya melibatkan kepentingan awam dan keselamatan para pengguna perkhidmatan kolam renang tersebut.</p>	05-07-2023	Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan
42	Cadangan saya kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar memberi akses 'Parking Percuma' untuk pemegang kad OKU seperti kami. Hal ini kerana, masalah kewangan yang dihadapi oleh kami misalnya dengan pembayaran duit tempat letak kenderaan tersebut dapat mengurangkan bebanan kami untuk membeli makanan.	06-07-2023	Terima kasih di atas aduan yang diberikan. Untuk makluman tuan, tempat letak kereta OKU adalah dikhaskan untuk pengguna yang memegang kad OKU. Namun demikian, bayaran masih perlu dibuat dan tiada pengecualian. Sekian dimaklumkan terima kasih.	20-07-2023	Unit Letak Kereta/Dewan
43	Cadangan saya supaya gelanggang badminton boleh ditempah dan membuat bayaran secara dalam talian (<i>online</i>). Hal ini kerana, dapat memudahkan orang ramai untuk menyewa dan membayar gelanggang badminton atau sukan-sukan yang dibenarkan untuk tujuan bermain di dalam dewan. Diharap pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) dapat memberi kerjasama yang baik untuk menaiktaraf sistem ini. Terima kasih.	10-07-2023	Salam Sejahtera, Pihak Majlis dalam proses melantik kontraktor untuk kerja kerja menaiktaraf sistem tempahan fasiliti milik Majlis Bandaraya Seremban. Antara fasiliti yang terlibat adalah dewan, padang, gelanggang badminton dan sebagainya. Sekian, terima kasih.	12-07-2023	Jabatan Khidmat Pengurusan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
44	<p>Memohon daripada pihak Tuan/Puan bagi pembinaan bonggol jalan di Jalan Palas 16, Taman Desa Permai bersebelahan Jalan Perwira 1, Taman Perwira.</p> <p>Ini berikutan kenderaan yang melalui jalan tersebut memandu terlalu laju dari had yang sepatutnya. Untuk makluman, jalan tersebut juga berkeadaan sedikit menurun Bukit. Jadi memang kenderaan yang lalu lalang agak laju. Saya khuatir akan jadi perkara yang diingini seperti kemalangan diantara budak berbasikal. Warga Emas ulang alik ke surau, penduduk yang duduk berhampiran. Jika ada bonggol yang dibina di Jalan tersebut, sekurang-kurangnya mereka yang melalui kawasan tersebut lebih berhati-hati dan perlahan. Keadaan bertambah teruk apabila waktu malam. Bagi anak-anak muda yang bermotor menjadikan kawasan tersebut untuk menguji kelajuan motor mereka. Keadaan ini akan lebih terganggu dengan bunyi motor yang kuat.</p>	18-07-2023	<p>Hasil dari semakan yang dilaksanakan oleh PJ Razme, pihak Majlis tidak dapat membina bonggol kerana peruntukan bonggol bagi tahun 2023 telah digunakan sepenuhnya.</p> <p>Namun demikian, pihak Majlis akan mengkaji semula keperluan ini setelah peruntukan bonggol bagi 2024 lulus.</p>	27-07-2023	Unit Jalan & Saliran
45	<p>Mohon jasa baik pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar membina bonggol dan cermin keselamatan di selekoh jalan di Jalan Galena 2. Hal ini kerana, sering berlaku kemalangan disebabkan kenderaan yang melalui kawasan tersebut memandu dengan laju. Keselamatan pejalan kaki juga perlu dititikberatkan terutama kanak-kanak pulang dari sekolah melalui kawasan tersebut. Kerjasama dan jasabaik pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk mempertimbangkan permohonan penduduk di kawasan tersebut amatlah kami hargai. Terima kasih.</p>	20-07-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> •Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. •Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. •Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	15-09-2023	Unit Jalan & Saliran Unit Projek Dan Lalulintas

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
46	Memohon membuat pembinaan bonggol jalan di kawasan jalan rumah iaitu taman perumahan. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan dari kereta dan motor di pandu agak laju kerana tiada satu pun bonggol di kawasan jalan ini. Sebelum perkara yang tidak diingini berlaku, kami memohon jasa baik pihak tuan/puan dapat mempertimbangkan permohonan kami. Terima kasih.	25-07-2023	Tiada peruntukan dalam masa terdekat dan akan pertimbangkan dalam peruntukan untuk tahun 2024.	28-07-2023	Unit Jalan & Saliran
47	Cadangan agar meletakkan tanda larangan masuk di bulatan bulatan sekitar Nilai Impian di jalan dari atau menghala lebuhraya Plus dimana hanya terdapat satu jalan dari bulatan bulatan tersebut. Telah banyak kali berlaku kenderaan yang tidak biasa masuk ke jalan satu lorong saja apabila melalui bulatan tersebut. Ini amat membahayakan semua pihak kerana melawan arus di jalan-jalan tersebut. Terima kasih.	25-07-2023	Dibawah pengawasan pemaju <i>Sime Darby</i>	16-08-2023	Jabatan Kejuruteraan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
48	<p>Saya dapat terdapat perbezaan ketara antara Cukai Taksiran yang dikeluarkan secara dalam talian dan fizikal iaitu yang dipos ke kediaman. Kekeliruan yang paling jelas adalah pada jadual jumlah perlu dibayar.</p> <p>Saya dapat bil secara dalam talian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lebih jelas maksudnya; terdapat info berkaitan Baki Terdahulu & Jumlah Semasa 2. Mudah untuk difahami & tidak menimbulkan kekeliruan <p>Saya dapat bil secara fizikal:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengelirukan di mana terdapat 2 kolumn yang boleh ditakrifkan secara salah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> - Kolumn 1: Ditakrifkan sebagai jumlah semasa untuk HY2/2023 - Kolumn 2: Ditakrifkan sebagai jumlah semasa untuk HY1/2024 iaitu kolumn ini yang mengelirukan dengan anggapan terdapat kenaikan secara berganda pada cukai taksiran. 2. Memberikan takrifan yang berbeza apabila dibandingkan dengan bil dalam talian. <p>Saya mencadangkan supaya bentuk format yang sama iaitu bersetuju dengan format dalam talian digunakan untuk semua jenis bil iaitu dalam talian dan fizikal bagi mengelakkan kekeliruan.</p>	24-07-2023	<p>Salam sejahtera tuan,</p> <p>Pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban telah meneliti cadangan tuan. Walau bagaimanapun untuk makluman tuan Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah "BIL DIGITAL". Bermula pada tahun 2023, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Pihak tuan boleh membuat semakan dengan menggunakan nombor kad pengenalan pemilik atau nombor akaun cukai taksiran. Bersama-sama ini disertakan cara untuk menyemak dan mencetak bil cukai taksiran di dalam laman web www.mbs.gov.my tersebut.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>MOHD SHAZWAN Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban Nombor telefon : 06 7654701</p>	24-07-2023	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
49	Cadangan kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar membuat program pengurusan sisa makanan di Seremban. Program ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan sampah domestik terutama dari industri makanan, sekolah dan hospital. Kerah ISO 14001:2018, dimana kelestarian program sangat dipandang tinggi justeru dapat menaikkan nama Majlis Bandaraya Seremban(MBS) di kalangan Pihak Berkua Tempatan di Malaysia ini. Dengan ini, banyak industri akan menyokong program ini jika berjaya dilaksanakan kelak.	01-08-2023	Terima kasih diatas cadangan yang diutarakan oleh pihak tuan. Pihak Majlis mengambil maklum perkara ini dan akan dimajukan kepada pihak atasan. Sekian terima kasih.	29-11-2023	Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutaran
50	Untuk makluman pihak tuan/puan, penghalang jalan Batang Benar ke Nilai 3 telah mengalami kerosakan. Sebagai pengguna jalan tersebut, terdapat beberapa kali penghalang itu dibaik pulih. Menurut pandangan saya, sebaik-baiknya penghalang tersebut di tukar dari <i>Square Hollow Section</i> ke <i>I-Beam</i> , ini memandangkan <i>Square Hollow Section</i> kurang kukuh berbanding <i>I-Beam</i> . Selepas itu, penghalang yang menggunakan <i>Square Hollow Section</i> yang dibaik pulih beberapa kali adalah satu pembaziran. Oleh itu, diminta untuk membina penghalang yang kukuh seperti di Jalan Arab Malaysia ke Bukit Mahkota yang menggunakan <i>I-Beam</i> , dan ketiadaan CCTV di kawasan penghalang Jalan Batang Benar. Dengan ini, diharap agar pihak Majlis Bandaraya Seremban untuk membuat lawatan bagi melihat punca kepada berlakunya perobohan tersebut. Hal ini kerana, terdapat individu yang tidak bertanggungjawab telah merobohkan penghalang tersebut dengan sengaja. Tambahan pula, jalan tersebut turut tidak sesuai untuk kendaraan berat melalui di jalan tersebut. Diharap agar cadangan di atas dapat dipertimbangkan.	02-08-2023	Kerja-kerja pembinaan semula besi penghadang had ketinggian telah dilakukan pada 22.07.2023 seperti mana yang tertulis dalam surat bertarikh 03.08.2023	07-08-2023	Unit Projek Dan Lalulintas

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
51	Cadangan kepada Majlis Bandaraya Seremban(MBS) agar mewujudkan bonggol jalan di sepanjang Persiaran Nilai Impian 1 untuk mengelakkan kejadian memandu laju yang berbahaya. Hal ini kerana, saya bermastautin di Nilai Impian sejak tahun 2007. Kejiran semakin berkembang dan menyaksikan pembinaan sekolah baru serta terdapat banyak kilang di Nilai 3 berdekatan. Oleh itu, terdapat banyak kenderaan yang memandu laju di Persiaran Nilai Impian 1 yang kebiasaannya dari Jepun dan Permata menghala ke Nilai 3, iaitu Jalan Arteri Utama bagi kawasan perumahan Nilai Impian. Keadaan ini amat berbahaya terutama bagi penduduk dan warga sekolah di kawasan tersebut. Diharap pihak Majlis Bandaraya Seremban dapat mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.	07-09-2023	Hasil siasatan pada 12.09.2023 mendapati cadangan ini tidak sesuai kerana rezab jalan hanya 60 kaki dan jalan itu juga adalah dibawah tanggungjawab pemaju Sime Darby Development Sdn Bhd	12-09-2023	Unit Jalan & Saliran
52	Cadangan yang ingin utarakkan supaya pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) berkongsi maklumat mengenai Undang-undang Kecil yang terpakai di Negeri Sembilan ini di dalam laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk rujukan semua warga Negeri Sembilan agar lebih peka dan patuh mengenai undang-undang yang terdapat di Negeri Sembilan ini.	07-09-2023	UNDANG-UNDANG KECIL MBS DALAM PROSES UNTUK DIMASUKKAN KE DALAM WEBSITE/PROTAL MBS	06-10-2023	Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan
53	Sekitar pukul 11:15 pagi hingga 11:50 pagi, saya telah meletakkan kenderaan di parkir kawasan Dataran Senawang pada 8/9/2023. Selepas meletakkan kenderaan, didapati papan tanda yang hanya menunjukkan cara untuk pengguna membayar parkir sahaja serta tidak memberitahu masa atau peraturan pembayaran. Sejurus itu, dalam sekitar 40 minit, selesai membuat pembayaran parkir sebanyak RM0.60 sebagai mematuhi dan menghormati undang-undang yang ditetapkan. Selang beberapa minit didapati kenderaan saya dikenakan caj saman kerana tidak membayar parkir dahulu. Ini sangat tidak adil bagi pengguna kerana tiada notis bagi membuat pembayaran sebelum meninggalkan kenderaan. Sebagai rakyat yang perihatin, saya berharap agar pihak yang bertanggungjawab mengambil cakna berkenaan isu ini.	08-09-2023	Terima kasih atas cadangan yang diberikan. Untuk makluman tuan, pihak kontraktor yang dilantik telah menyediakan papan tanda berkenaan maklumat pembayaran caj tempat letak kereta di Dataran Senawang. Papan tanda biasanya diletakkan berhampiran terminal pembayaran layan diri. Bagi makluman tuan juga, kawasan Dataran Senawang telah dikenakan caj bayaran tempat letak kereta sejak tahun 2019. Hebahan dan promosi juga telah dilakukan di kawasan berkenaan. Bayaran caj letak kereta juga boleh dilakukan menggunakan aplikasi 'FlexiParking', 'TouchnGo eWallet', aplikasi 'Setel' dan 'Evocity'.	25-09-2023	Unit Letak Kereta/Dewan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
54	Cadangan agar pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) memudahkan pembayaran sewa gelanggang badminton tanpa perlu pergi ke cawangan Majlis Perbandaran di sekitar Negeri Sembilan. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) perlu mewujudkan sistem pembayaran secara dalam talian bagi memudahkan urusan sewa gelanggang di setiap kawasan di Negeri Sembilan dan seterusnya pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) boleh mengeluarkan resit secara digital atau dalam bentuk format 'PDF'. Hal ini mampu meningkatkan ekonomi pihak Majlis selain dapat merancakkan aktiviti riadah masyarakat di Negeri Sembilan. Tambahan pula, isu pecah amanah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab memberi orang ramai menggunakan dewan tanpa bayaran sewa juga dapat dikurangkan. Saya berharap agar pihak tuan/puan dapat menggunakan cadangan ini untuk kesejahteraan sejagat. Terima Kasih.	05-10-2023	<p>Pentadbiran Majlis dalam proses untuk melantik kontraktor bagi menyediakan sistem perkhidmatan tempahan fasiliti milik Majlis secara dalam talian. Proses ini diselia oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sistem tempahan ini juga dijangka akan dilaksanakan mulai Tahun 2024.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	16-10-2023	- Jabatan Khidmat Pengurusan
55	Cadangan dari pihak kami yang bertempat di kawasan Mantin, Jalan Besar Mantin ingin memohon jasa baik pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS), untuk mewujudkan papan tanda kerana ramai orang awam kerap kali memasuki di dalam kawasan parking yang kami telah disewakan. Hal ini kerana, kami telah meletakkan tong sampah bagi menghalang orang awam untuk meletakkan kenderaan supaya tidak boleh meletakkan kenderaan di petak khas tetapi gagal.	10-10-2023	<p>Terima kasih atas aduan yang diberikan. Untuk makluman tuan, pentadbiran ini mengambil maklum aduan yang pihak tuan kemukakan. Pentadbiran Majlis tiada halangan untuk pemasangan papan tanda tersebut. Walau bagaimanapun, jika pihak tuan ingin membuat papan tanda tersebut, Pentadbiran Majlis boleh memberi spesifikasi seperti di Lampiran untuk rujukan tuan kerana Pentadbiran Majlis tidak menyediakan papan tanda sewa khas tetapi ia tanggungjawab penyewa jika ada keperluan.</p>	16-10-2023	Unit Letak Kereta/Dewan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
56	<p>Permohonan kepada pihak berkuasa Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membina dua bonggol jalan di Jalan Utama D29 di persimpangan D29 dan D23 bersebelahan bilik TNB / rumah nombor 841, 816 dan 817 seperti yang tertera di lampiran.</p> <p>Permohonan ini dikemukakan selepas kejadian teruk yang berlaku pada 25 Ogos 2023 dimana terdapat satu kemalangan jalan raya melibatkan 2 buah kereta berlaku di simpang yang tersebut di atas. Bersama ini disertakan lampiran kejadian 25 Ogos 2023 untuk rujukan tuan.</p>	13-10-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN</p> <p>CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. • Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. • Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	13-10-2023	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
57	<p>Cadangan yang ingin diutarakan ialah boleh meningkatkan kecekapan proses komunikasi dalam Majlis Bandaraya Seremban(MBS).</p> <p>Pada zaman di mana komunikasi digital memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pertukaran maklumat, mencadangkan agar Majlis Bandaraya Seremban(MBS) mempertimbangkan untuk melabur dalam mesin imbasan industri dan menubuhkan sistem emel rasmi untuk bilik surat. Dengan langkah ini, kita boleh mengurangkan secara ketara masa yang diperlukan bagi dokumen rasmi mencapai penerima yang dituju, meningkatkan kecekapan keseluruhan.</p> <p>Penambahbaikan teknologi yang ringkas ini akan membolehkan kita mengimbas dan menghantar dokumen dengan pantas melalui emel, mengurangkan masa yang diperlukan untuk perkhidmatan mel yang tradisional. Selain daripada menjimatkan masa, ia juga boleh mengurangkan kos yang berkaitan dengan perkhidmatan mel fizikal.</p>	20-10-2023	<p>Pihak Majlis mengambil maklum atas cadangan yang diberikan. Pihak Majlis akan sentiasa membuat kajian serta menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan agar maklum balas aduan yang diterima dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Terima kasih atas cadangan yang diberikan.</p>	27-10-2023	Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
58	<p>Memberikan cadangan kepada Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membuat petunjuk arah atau sempadan garisan jalan atau papantanda 'DILARANG LETAK KENDERAAN' kerana di hadapan kilang adalah laluan jalan keluar masuk dan disitu terdapat berlakunya kesesakan lalulintas. Bukan itu sahaja, kenderaan juga menghalang penglihatan pengguna kenderaan ketika hendak keluar masuk ke jalan besar.</p>	15-11-2023	<p>Hasil siasatan dan lawatan bersama wakil tuan di tapak mendapati permohonan yang dikemukakan oleh pihak tuan tidak mematuhi garis panduan dan piawaian Jabatan Kerja Raya(JKR)(ARAHAH TEKNIK (JALAN) 2D/85 MANUAL ON TRAFFIC CONTROL DEVICES ROAD MARKING DAN DELINEATION). Oleh yang demikian, permohonan pihak tuan tidak dapat dipertimbangkan.Sekian terima kasih.</p>	21-11-2023	Unit Projek Dan Lalulintas

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
59	Permohonan bagi pembinaan bonggol jalan di laluan utama keluar masuk di Lorong Bunga Raya 5 bertempat di bangunan Blok C. Hal ini kerana, jalan tersebut merupakan jalan yang lurus dan kenderaan bergerak dengan laju.	11-12-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN</p> <p>CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. • Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. • Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	17-01-2024	Unit Jalan & Saliran
60	Cadangan supaya pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) dapat menambah kotak letak kenderaan motor di kawasan Kolej Kediaman Sutera Indah, Bandar Baru Nilai untuk menampung bilangan jumlah motor pelajar yang banyak dan mengelakkan motor tersebut di kompaun setiap hari kerana kami sebagai pelajar, mempunyai masalah dari segi kewangan untuk membayar kompaun tersebut. Sekian, terima kasih.	21-12-2023	Terima kasih di atas aduan yang diberikan. Untuk makluman tuan, Pentadbiran Majlis telah menambah sebanyak 30 unit petak motosikal di kawasan Kolej Kediaman Sutera Indah. Penambahan petak motosikal yang baharu adalah tidak sesuai di kawasan tersebut, jika masih tidak mencukupi, pihak tuan perlu berunding dengan pihak kolej untuk membolehkan parking di dalam kawasan kolej tersebut. Sekian terima kasih.	28-12-2023	Unit Letak Kereta/Dewan
61	Mohon pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) untuk membina tambahan bonggol kerana telah banyak berlaku kemalangan di persimpangan simpang tiga ini. Terdapat banyak motosikal dan kereta yang melebihi had laju dan juga membuat bunyi yang bising di Sri Pulai 3.	27-12-2023	Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol	03-01-2024	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
62	<p>1. Memohon jasa baik pihak Majlis Bandaraya Seremban (MBS) untuk menyediakan peralatan riadah taman permainan di Kepayang Heights.</p> <p>2. Dengan adanya peralatan riadah ini, ia akan dapat mempromosikan gaya hidup sihat dikalangan penduduk di taman ini. Di samping itu, ia juga dapat memupuk semangat kejiranan bilamana penduduk dapat beramah mesra diantara satu sama lain ketika menjalankan aktiviti riadah.</p> <p>3. Kami telah melakukan sedikit kaji selidik dan mendapati peralatan rekreatif seperti yang dicadangkan di bawah ini terbukti telah menerima sambutan yang menggalakan terhadap penggunaannya.</p>	27-12-2023	Kerja-kerja naiktaraf akan dilaksanakan mengikut peruntukan tahun semasa.	18-01-2024	Jabatan Taman & Landskap
63	Mohon kepada pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) bagi membina bonggol jalan di hadapan rumah Jalan Malinja, Rumah Rakyat Panchor. Hal ini disebabkan oleh kenderaan lalu dengan laju dan membahayakan penduduk berhampiran.	22-12-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN</p> <p>CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. • Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. • Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	23-01-2024	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
64	<p>Mohon Majlis Bandaraya Seremban(MBS) bagi membuat pemasangan sangkar di kawasan perumahan. Seterusnya, memohon agar membuat operasi secara kerap bagi memantau penangkapan anjing di kawasan taman perumahan kami. Hal ini kerana terlalu banyak anjing-anjing tersbut berkeliaran pada waktu malam. Pihak Pengurusan akan hubungi Majlis Bandaraya Seremban(MBS) sekiranya Anjing Masuk Sangkar.</p> <p>Taman Tun Dr. Ismail (belakang rumah pangsa Tun. Dr. Ismail)</p>	28-12-2023	<p>UNTUK MAKLUMAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. TIADA PERKHIDMATAN SANGKAR TANGKAPAN ANJING DISEDIAKAN. 2. TANGGUK - ADALAH KAEDAH PENANGKAPAN ANJING YANG DIGUNAPAKAI OLEH KONTRAKTOR YANG DILANTIK 	11-01-2024	Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan
65	<p>Berhubung perkara tajuk, mohon pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) dapat pertimbangkan cadangan bagi menaik taraf tapak penjaja Taman Widuri Indah sepetimana tapak penjaja Taman Desa Melor.</p> <p>Cadangan ini adalah disebabkan, peniaga tapak penjaja Taman Widuri Indah berhadapan risiko yang mana apabila keadaan cuaca tidak baik seperti angin kuat dan hujan lebat. Kebanyakan peniaga telah banyak keluarkan kos untuk menukar khemah bersaiz 10x10 akibat kerosakan yang disebabkan oleh cuaca buruk dan tidak dapat meneruskan perniagaan kerana perlu mengumpul atau mencari modal yang besar untuk membeli khemah.</p> <p>Mohon pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) dapat mempertimbangkan agar tapak niaga Taman Widuri Indah dijadikan tapak niaga berbumbung sepetimana tapak niaga Taman Desa Melor.</p>	06-06-2023	<p>Majlis menyediakan tapak penjaja setempat bagi penyusunan semula penjaja-penjaja dikawasan Seremban..</p> <p>Gerai berbumbung seperti di Taman Desa Melor dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan kewangan majlis dari semasa ke semasa.</p>	09-06-2023	Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekutuan

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
66	<p>Cadangan mewujudkan laluan alternatif untuk penduduk yang keluar dan masuk ke Masjid Taman Tuanku Jaafar. Hal ini kerana, ianya berbahaya kepada jemaah yang berumur melintas di jalan utama.</p> <p>Cadangan bagi jalan alternatif dari kedai 7E di Fasa 3 terus ke masjid dengan melintasi sungai. Turut difahamkan juga itu adalah tanah milik Kerajaan Negeri dan boleh mohon pertimbangan peruntukan MOT dan PBT untuk dilaksanakan.</p>	28-08-2023	<p>Hasil siasatan serta semakan yang dilaksanakan mendapati laluan yang dicadangkan oleh pengadu adalah tidak sesuai. Sehubungan itu, sejumlah peruntukan yang amat besar diperlukan bagi menjayakan cadangan tersebut.</p>	06-09-2023	Unit Jalan & Saliran
67	<p>Mohon bagi membina bonggol jalan di Jalan Persiaran Nusari 3. Kawasan ini amat bahaya dan sering berlaku kemalangan kerana kenderaan sering dibawa laju di kawasan bulatan menghala ke arah Nusari Aman 2. Ini juga adalah disebabkan oleh faktor bulatan itu sendiri yang bentuk bujur dan mengelirukan pemandu.</p>	15-12-2023	<p>Pihak Kejuruteraan Majlis mengambil maklum akan aduan berkenaan permohonan bonggol. Namun, jabatan ini telah menetapkan permohonan adalah seperti berikut;</p> <p>PERMOHONAN PEMBINAAN BONGGOL JALAN (HUMP) DI DALAM TAMAN PERUMAHAN</p> <p>CARA-CARA UNTUK MEMOHON:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan mengemukakan permohonan tersebut melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, atau Rukun Tetangga. • Permohonan perlu menyertakan sebab-sebab permohonan serta pelan tapak atau lokasi dimana kedudukan bonggol jalan yang dicadangkan. • Permohonan dikehendaki menyertakan surat persetujuan atau tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol yang akan di bina di hadapan rumahnya (sekurang-kurangnya 4 buah rumah yang terlibat). <p>Borang boleh didapati melalui pautan, https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/pembinaan-bonggol</p>	03-01-2024	Unit Jalan & Saliran

Bil	Butiran	Tarikh Cadangan	Maklum balas / Jawapan / Tindakan	Tarikh Maklum Balas / Jawapan	Tindakan Jabatan / Unit
68	<p>Mohon pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) mengenai Lampu jalan di bulatan utama masuk ke taman perumahan Iringan Bayu yang tidak mencukupi. Mengikut pencarian di Internet, jarak bagi pemasangan lampu jalan solar dengan tiang berukuran 8 meter mestilah antara 25-30 meter diantara satu lampu dengan lampu yang lain. Kaedah ini banyak digunakan apabila lebar lampu jalan mestilah 10-15 meter. Walaubagaimanapun, turut merasakan jarak lampu jalan di antara bulatan tidak mencukupi, tambahan pula bulatan utama taman perumahan ini besar jika dibandingkan dengan bulatan lama yang terdapat di jalan 58 berhampiran Balai Polis Mambau berhampiran <i>Exit</i> Keluar Lebuhraya E29 dimana bulatan ini disediakan spotlight bagi meningkatkan kesedaran pengguna tentang kewujudan bulatan ini. Lampu jalan yang terdapat di bulatan utama masuk ke taman perumahan Iringan Bayu hanya terdapat di bahu jalan bukan pada lingkaran bulatan.</p> <p>Selain daripada itu, ciri-ciri keselamatan seperti Mata kucing atau '<i>road stud</i>' yang tiada , papan tanda yang kurang serta garisan jalan yang kurang jelas.</p> <p>Penting bagi meningkatkan ciri-ciri keselamatan di Bulatan Utama ke taman perumahan Iringan Bayu, ini kerana walaupun jalan telah dibuka kepada umum tetapi masih terdapat kenderaan berat keluar masuk kerana kawasan ini masih dalam pembinaan dan jalan ini juga berhampiran dengan pintu keluar masuk SJKT Ladang Shanghai Seremban.</p>	04-07-2023	<p>kerja-kerja penyelenggaraan telah di jalankan oleh JA Fadzly dan pasukan penyelenggaraan pada 12/7/2023</p>	12-07-2023	<p>Jabatan Kejuruteraan Unit Projek Dan Lalulintas</p>